

PRAKATA

Segala pujian bagi Allah s.w.t., Tuhan semesta alam. Doa dan kesejahteraan buat penghulu nabi-nabi dan rasul-rasul. Jua buat keluarga dan sahabatnya sekalian. Assalamualaikum.

Perubahan dunia, masyarakat, ekonomi dan sosial telah memaksa perubahan pemikiran, perjalanan dan fungsi keluarga. Anak-anak terpaksa dihantar ke pusat asuhan selepas 60 hari kelahiran kerana kedua ibubapa bekerja. Di bandar-bandar permintaan untuk perkhidmatan asuhan memaksa pertumbuhan Taman Asuhan Kanak-kanak. Ramai pengusaha terus berjaya dengan menambah cawangan demi cawangan setiap tahun. Ramai pula yang tersungkur setelah beberapa langkah, atau terus terkubur setelah berjaya sekian lama. Apa yang membezakan mereka?

Perniagaan membentuk dunianya sendiri. Sesuatu perniagaan hanya akan berjaya dengan dorongan sifat ketahanan, keyakinan, amanah, bijak, iltizam, tidak mengalah, berpandangan hadapan, mengutamakan yang terbaik, amalan peningkatan berterusan serta sentiasa menunggang strategi yang berkesan. Ahli perniagaan selalu dilabelkan sebagai '*manusia tidak normal*'. Jika anda tidak mahu berubah untuk menjadi lebih dari manusia biasa, mungkin buku ini bukan untuk anda.

Buku ini mula ditulis dengan menyajikan strategi-strategi yang amat agresif, sehingga penyemak dan pengkritik memberikan pandangan sinis. Akhirnya, supaya buku ini boleh dimanfaatkan sepenuhnya oleh lebih ramai muka baru alam perniagaan, hanya strategi yang telah diuji dan terbukti dikekalkan. Saya berharap boleh mengetengahkan perkara-perkara yang ditapis tersebut pada buku kedua.

Fokus buku ini adalah kepada Taman Asuhan Kanak-kanak dalam aspek membangunkan perniagaan. Adapun kaedah-kaedah terbaik mengasuh dan mendidik kanak-kanak tidak disentuh di sini, kecuali setakat sumbangannya kepada pertumbuhan perniagaan. Panduan buku ini adalah untuk pengusaha dan bakal pengusaha dan bukan untuk pengasuh.

Sehingga buku ini disiapkan, pelbagai perkara telah berlaku. Banyak juga yang dipelajari. Banyak lagi yang perlu disempadani. Ada yang masih belum difahami. Pekerja bertukar silih berganti kerana merajuk, menyambung pelajaran, berkahwin, tekanan, tanpa sebab atau termakan hasutan . Ada juga berlaku beberapa kejadian besar seperti bayi terjatuh, wabak HFMD, serta saman ibubapa akan dihurai pada bab yang sesuai. Perkara-perkara ini berkemungkinan berlaku pada anda. Yang penting adalah kaedah pencegahan atau persediaan supaya kesan negatifnya, jika berlaku, tidak mengecutkan perniagaan.

Buku ini akan memberi gambaran dan kaedah sebenar mengukur kelayakan dan mempersiapkan diri, memilih tempat, membuka, mengurus, bersaing, mempromosi, membuka cawangan sekaligus membina empayar TASKA anda sendiri. Ingatlah pesan bijak pandai, "Perjalanan seribu batu bermula dari langkah pertama". Tahniah diatas langkah pertama anda membaca buku ini.

Selamat berjaya.